

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 DISEMBER 2013 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Tenaga boleh baharu solar dan angin dapat revolusikan tenaga elektrik di Sabah	Bernamea.com
2	SIRIM sarankan pemaju perumahan guna pakai teknologi 'Solar Thin-Film PV'	Bernamea.com
3	Banjir di Kelantan hampir pulih, mangsa semakin berkurangan	Bernamea.com
4	Awas banjir gelombang kedua	Mingguan Malaysia
5	Second wave begins in Terengganu	Sunday Star
6	Kuantan daerah paling teruk terjejas	Metro Ahad
7	Paras air lebihi tahap bahaya	Metro Ahad
8	After the 'surge' now the 'trough'	New Sunday Times



Tenaga Boleh Baharu Solar Dan Angin Dapat Revolusikan Tenaga Elektrik Di Sabah

Daripada Zairina Zainudin

KUDAT, 8 Dis (Bernama) -- Penjanaaan tenaga boleh baharu menerusi penggunaan teknologi turbin angin dan solar bukan sahaja dapat merevolusikan tenaga elektrik terutamanya di Sabah tetapi boleh menjadi salah satu tenaga alternatif yang baik pada masa depan, kata [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#).

Beliau berkata Sabah mempunyai kelebihan tersendiri berikutan negeri itu kaya dengan sumber semula jadi yang berkaitan dengan penjanaaan tenaga boleh diperbaharui dan ini sedikit sebanyak mampu meningkatkan pertumbuhan ekonominya.

"Kos penyelenggaraan dan operasi untuk membekalkan elektrik amat tinggi menyebabkan pihak pembekal tenaga seperti Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) berhadapan cabaran yang besar, ditambah pula harga sumber tenaga seperti minyak yang tidak menentu.

"Oleh itu, kerajaan sentiasa mengalu-alukan pihak yang berminat untuk menerokai dan mengaplikasi penggunaan tenaga hijau, sekali gus menyokong usaha ke arah pembangunan tenaga lestari yang mampan," kata beliau dalam ucaptamanya di majlis pelancaran dua Projek TechnoFund Mosti di sini Ahad.

Kedua-dua projek itu, Aplikasi Sistem Teknologi Angin untuk Penjanaaan Tenaga serta Bangunan Lestari Thin-Film PV dan Penjanaaan Tenaga Boleh Baharu, merupakan dua daripada tujuh projek yang diberi kepercayaan oleh Mosti kepada Sirim Bhd untuk kajian dan penyelidikan.

Secara keseluruhan, projek berkenaan mampu membekalkan tenaga elektrik masing-masing 25kw (tenaga angin) dan 9.8kw (tenaga solar).

Penjanaaan tersebut dapat menyalurkan tenaga elektrik kepada sebuah resort berhampiran tapak projek di Tg Simpang Mengayau, selain membekalkan tenaga elektrik di bangunan projek itu serta disimpan dalam sistem bateri.

Ewon menyifatkan keberhasilan kajian itu boleh dikembangkan ke skala komersial yang lebih besar dan mampu menyumbang kepada pengurangan gangguan bekalan elektrik di Sabah serta memberi manfaat kepada penduduk luar bandar yang tinggal jauh dari kawasan grid.

Dalam jangka masa yang panjang, beliau berkata penjanaan tenaga boleh baharu itu akan menjadi sumber alternatif yang terbaik dan dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga dari bahan bakar.

Pada masa ini, kebanyakan tenaga elektrik yang dijana oleh pusat jana kuasa menggunakan arang batu, diesel serta empangan hidro dan kaedah-kaedah itu melibatkan kos yang tinggi.

Turut hadir di majlis itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Rosli Mohamed dan Pengerusi dan Ketua Eksekutif Sirim Bhd, Dr Zainal Abidin Mohd Yusof.

TechnoFund merupakan projek yang dibiayai oleh Mosti, merangkumi 13 projek. Ia adalah di bawah Task Force Renewable Energy, satu pasukan petugas yang dibentuk atas arahan kabinet untuk mengkaji keberhasilan atau kebolehlaksanaan tahap komersial pelbagai projek tenaga boleh baharu di negara ini.

-- BERNAMA



Sirim Sarankan Pemaju Perumahan Guna Pakai Teknologi 'Solar Thin-Film PV'

Daripada Zairina Zainudin

KUDAT, 8 Dis (Bernama) -- [Sirim Bhd](#) mencadangkan para pemaju perumahan di Malaysia agar mengaplikasikan teknologi Solar Thin-Film Photovoltaics (PV) dalam struktur binaan mereka.

Mengaplikasikan teknologi ini boleh memajukan teknologi hijau di samping memberi nilai tambah kepada bangunan berkenaan, kata Pengurus Besar Pusat Penyelidikan Tenaga Boleh Baharu, Mohd Fauzi Ismail.

Solar Thin-Film PV ialah teknologi tenaga boleh baharu yang canggih, menggunakan lapisan semikonduktor yang sangat nipis untuk menyerap tenaga solar dan kemudian ditukarkan menjadi tenaga elektrik.

Mohd Fauzi berkata selain menggalakkan pemaju perumahan menjadi lebih berdaya saing, kaedah itu juga boleh membantu pemilik rumah menjimatkan kos penggunaan tenaga.

"Penggunaan teknologi ini sangat meluas dan jika diadaptasikan di kebanyakan bangunan di bandar, secara tidak langsung struktur bangunan itu mempunyai dwi-fungsi yang sangat cekap.

"Solar Thin-Film PV bukan sahaja boleh dijadikan sebahagian daripada struktur bangunan seperti atap, tingkap dan dinding, pada masa yang sama ia boleh menjadi sumber untuk menjana tenaga elektrik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas majlis pelancaran dua projek perintis Sirim -- Aplikasi Sistem Teknologi Angin untuk Penjanaan Tenaga serta Bangunan Lestari Thin-Film PV dan Penjanaan Tenaga Boleh Baharu, di sini Ahad.

[Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin dan Pengerusi dan Ketua Eksekutif Sirim, Dr Zainal Abidin Mohd Yusof.](#)

Mohd Fauzi berkata teknologi Solar Thin-Film PV menawarkan banyak kelebihan berbanding teknologi lain, antaranya, penggunaan bahan mentah yang rendah, proses pembuatan yang cekap dan sangat automatik serta rendah karbon.

Teknologi itu juga mudah berintegrasi dengan bangunan, mempunyai prestasi yang lebih baik dan kurang sensitiviti di bawah suhu yang tinggi, tambah beliau.

Beliau berkata Sirim sedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pemaju yang ingin bekerjasama dengan kepakarannya dalam penggunaan teknologi tenaga boleh baharu itu.

-- BERNAMA



Banjir Di Kelantan Hampir Pulih, Mangsa Semakin Berkurangan

KOTA BAHARU, 8 Dis (Bernama) -- Keadaan banjir di Kelantan hampir pulih apabila jumlah mangsa yang dipindahkan sehingga 8 malam ini semakin berkurangan iaitu seramai 139 orang berbanding 512 orang, pada sebelah petang.

Menurut portal rasmi kerajaan negeri, kesemua mangsa terdiri daripada penduduk di dua jajahan iaitu di Pasir Mas dan Tumpat yang ditempatkan di empat pusat pemindahan.

Di jajahan Pasir Mas iaitu di Rantau Panjang sehingga kini seramai 134 mangsa melibatkan 65 keluarga masih berada di tiga pusat pemindahan iaitu di Rantau Panjang dan Kubang Gadong.

Di jajahan Tumpat seramai lima orang mangsa masih ditempatkan di sebuah pusat pemindahan Pangkalan Kubor yang melibatkan sebuah keluarga.

Paras Sungai Golok di Rantau Panjang juga semakin surut tetapi masih berada di paras 9.11 meter, melepasi paras bahaya 9 meter.

Keadaan cuaca pada malam ini adalah baik.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan Azmi Osman berkata penduduk negeri itu yang tinggal di kawasan rendah dan berhampiran sungai dinasihatkan supaya lebih bersedia untuk menghadapi banjir gelombang kedua yang dikhuatiri lebih serius.

"Berdasarkan pengalaman sebelum ini, banjir di negeri ini biasanya berlaku tiga kali antara Dis hingga Januari tahun hadapan.

Walaupun cuaca semakin baik di negeri ini, namun penduduk harus peka dan berwaspada serta sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga terutama mereka yang tinggal di kawasan rendah seperti Rantau Panjang, Tumpat dan lain-lain," katanya.

Katanya, pihaknya juga akan sentiasa merujuk [Jabatan Meteorologi](#) untuk mendapatkan maklumat berkaitan cuaca dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengenal pasti keadaan paras air di beberapa sungai utama di negeri ini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 8 DISEMBER 2013 (AHAD)

Jabatan Meteorologi jangka hujan di Pantai Timur sepanjang minggu ini

Awas banjir gelombang kedua

Oleh RADHUAN HUSSAIN, MOHAMAD SHOFI MAT ISA, MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB, IFQDAR RAHMAN, FADZLY IZAB dan MUHAMAD AIMY AHMAD
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 7 Dis. - Banjir gelombang kedua dijangka berlaku di Pantai Timur apabila beberapa tempat diramal mengalami hujan sepanjang minggu ini.

Menurut Jabatan Meteorologi, kawasan terlibat akan mengalami hujan pada sebelah pagi, petang dan malam.

Jumlah penduduk yang dipindahkan di Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor pula meningkat kepada 65,133 orang awal malam ini dan peningkatan ini berikutan jumlah mangsa di Terengganu yang naik secara mendadak.

Di **KUANTAN**, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan di Pahang meningkat kepada 39,580 orang petang ini berbanding 39,177 malam tadi.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, sehingga pukul 6 petang ini, lebih 39,000 orang daripada 10,925 keluarga masih ditempatkan di 121 pusat pemindahan melibatkan 128 kampung yang terjejas akibat banjir di lapan daerah.

"Kuantan masih mencatatkan jumlah mangsa banjir paling ramai



SEPASANG suami isteri mendayung sampan untuk meninjau keadaan kediaman mereka yang dimasuki air di Taman Rakyat Jaya di Dungun, Terengganu, semalam. - BERNAMA

iaitu 34,222 yang ditempatkan di 38 pusat pemindahan banjir," katanya ketika dihubungi hari ini.

Menurutnya, sebanyak 3,464 mangsa banjir ditempatkan di 26 pusat pemindahan di Pekan, Temerloh 847 mangsa (22 pusat pemindahan), Jerantut 520 (10 pusat pemindahan) dan Maran 315 (sembilan pusat pemindahan).

Selain itu, beliau berkata, seramai

106 mangsa dipindahkan di Bera membabitkan lapan pusat pemindahan, Rompin, 53 (empat pusat pemindahan) dan Lipis, 53 mangsa (empat pusat pemindahan).

Di **KUALA TERENGGANU**, jumlah mangsa banjir di negeri ini mencatatkan peningkatan mendadak meskipun tiada hujan kecuali mendung iaitu sebanyak 22,219 orang daripada 5,073 keluarga yang ditempatkan di 66

pusat pemindahan di empat daerah.

Pertambahan itu dicatatkan setakat pukul 7 malam ini berbanding 7,172 mangsa daripada 1,743 keluarga pada sebelah pagi.

Menurut laporan portal Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, kebanyakan mangsa adalah dari daerah Kemaman yang mencatatkan sebanyak 18,576 orang daripada 4,177 keluarga dan mereka

ditempatkan di 43 pusat pemindahan di daerah berkenaan.

Diikuti Dungun, seramai 3,581 orang melibatkan 878 keluarga yang ditempatkan di 20 pusat pemindahan, 37 orang daripada 13 keluarga (Marang) dan 19 orang daripada empat keluarga (Hulu Terengganu).

Sementara itu di **KOTA BHARU**, jumlah mangsa banjir di Kelantan berkurangan kepada 1,796 orang daripada 664 keluarga berikutan cuaca semakin baik sepanjang hari ini.

Menurut portal rasmi kerajaan negeri, semua pusat pemindahan kecuali di Pasir Mas telah ditutup dan semua mangsa yang terlibat sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Di **JOHOR BAHRU**, mangsa banjir di Johor meningkat semula kepada 1,538 mangsa setakat pukul 4 petang ini berbanding laporan yang dikeluarkan pagi tadi iaitu 1,492 orang.

Segamat menjadi daerah yang paling teruk terjejas dengan 582 mangsa di sembilan pusat pemindahan, diikuti Batu Pahat (418/5); Pontian (413/3); Kota Tinggi (97/2); Kluang (20/1) dan Ledang (8/1).

Di **MELAKA**, kesemua 25 mangsa banjir dari lima keluarga yang ditempatkan di pusat pemindahan banjir Sekolah Kebangsaan Pant Penghulu, Sungai Rambai, Jasin dibenarkan pulang hari ini.

Second wave begins in Terengganu

Floods strike state again as continuous rain puts Pahang on 24-hour alert

KUALA LUMPUR: A second wave of flooding has begun in Terengganu with more people affected by rising water while continuous rain in Pahang is putting the authorities and public on high alert over the next 24 hours.

However, both Kelantan and Johor saw a slight improvement after many flood evacuees were allowed to return home.

The Meteorological Department said that thunderstorms and heavy rain occurring over Pahang and Terengganu are expected to persist.

It added that the same weather conditions were expected to occur over Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan and Johor.

In **Terengganu**, the number of evacuees rose to 22,706 by evening, a drastic increase from the 6,758 sheltering in relief centres, after Kemaman was inundated again with water.

The National Security Council said the returning rain and high tide contributed to the floods, forcing more people to be evacuated.

"Several villages, which were not flooded at first, are now inundated, including Kampung Geliga, Banggol, Gong Pauh and Kampung Besut," it said.

Communications in Kemaman have been affected with many electrical substations under water, making it difficult for flood victims to call up for help.

Defence Minister Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein said the army was getting ready to deploy its engineers to build a tactical bridge in Sg Limbungan Kemaman after a 5m portion of its river bank collapsed.



Higher ground: Evacuees pitch tents in a flood relief centre in Dungun, Terengganu while Tengku Puan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah (inset, second from right) and State Agriculture and Agro-based Committee chairman Datuk Shafik Fauzan Shariif help in serving food prepared by Tunku Azizah to flood victims in SK Kampong Belukar flood relief centre in Kuantan.



In **Pahang**, the Meteorological Department said an orange level alert had been issued for Kuantan, Pekan, Rompin, Temerloh, Bera and Maran in Pahang, which were expected to see heavy rains continu-

ing until today.

Yesterday, the state capital, already reeling from floods that closed roads and shut down businesses, saw continuous rain from morning.

As at 6.15pm, there had been an

increase of evacuees in Pahang to 39,580 people sheltering at 116 relief centres, the highest number among the states affected. Bera is the latest district to be flooded.

Third Division Commander Maj Gen Datuk Sheikh Mohsin Sheikh Hassan said 1,200 Armed Forces personnel were already involved in rescue operations while another 1,200 were on standby should a second wave of floods hit Pahang.

Stretches along several main roads - Sungai Lembing-Kuantan road at the 28KM stretch, Kuantan-Segamat road at the 72KM and Temerloh-Bahau road at the 14KM - are still

closed to traffic after being inundated with more than a metre of water.

In **Kelantan**, 619 out of the 2,381 people sheltering in relief centres were allowed home after the weather turned for the better.

Although the water level had subsided somewhat, the level of Sungai Golok in Rantau Panjang remained above the danger level at 10.26m.

In **Johor**, there was a slight drop in the number of evacuees from 1,633 to 1,538 with clear skies reported here and Kulajaya.

The areas still affected by floods are Segamat, Batu Pahat and Kota Tinggi.

KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 8 DISEMBER 2013 (AHAD)

Kuantan: Cuaca cerah kelmarin yang diharapkan membawa sinar supaya keadaan banjir di negeri ini reda tidak menjadi kenyataan apabila hujan turun berterusan awal pagi, semalam.

Ramai beranggapan cuaca cerah kelmarin akan berterusan sehingga semalam, namun sebaliknya berlaku apabila hujan turun tidak berhenti sejak awal pagi di beberapa daerah di negeri ini termasuk Bentong, Jerantut, Temerloh dan Kuantan.

Sehingga jam 5 petang semalam, seramai 39,560 mangsa membabitkan 10,929 keluarga masih berada di 121 pusat pemindahan di negeri ini.

Kuantan terus menjadi daerah paling teruk terjejas apabila seramai 34,222 mangsa daripada 9,700 keluarga dipindahkan ke 38 pusat pemindahan.

Daerah Pekan mencatatkan 3,464 mangsa daripada 799 keluarga dipindahkan ke 26 pusat pemindahan.



Kuantan
daerah
paling teruk
terjejas

SUKARELAWAN dari Unit Tenikal FKKS Universiti Malaysia Pahang membersihkan rumah Mohd Najib Mohd Nasoha di Taman Pandan Damai 1, Kuantan walaupun hujan masih turun dengan lebat di sini.

Seramai 53 mangsa daripada 13 keluarga ditempatkan di empat pusat pemindahan di Rompin.

Di Maran pula seramai 315 mangsa daripada 67 keluarga ditempatkan di sembilan pusat pemindahan.

Temerloh mencatatkan seramai 847 mangsa daripada 167 keluarga ditempatkan di 22 pusat pemindahan di daerah itu.

Manakala seramai 53 mangsa daripada 11 keluarga berada di empat pusat pemindahan di Lipis.

Di Jerantut, seramai 520 mangsa daripada 145 keluarga dipindahkan ke 10 pusat pemindahan dan Bera mencatatkan 108 mangsa daripada 23 keluarga ditempatkan di lapan pusat pemindahan.

Jurucakap bilik gerakan banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang mengingatkan penduduk di negeri ini supaya sentiasa peka dengan keadaan semasa kerana sebarang kemungkinan boleh berlaku.

Paras air lebihi tahap bahaya

■ Hujan sekejap-sekejap dan sederhana punca air naik

Oleh **MOHD AZAM SHAH
YAACOB**

mohdazam@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Penduduk di beberapa kawasan di Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sarawak diminta berjaga-jaga berikutan hujan yang menyebabkan air di beberapa sungai kini melebihi paras bahaya.

Maklumat daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendapati paras air beberapa sungai naik berpunca daripada hujan sekejap-sekejap dan sederhana yang berlaku di kawasan berkenaan.

Antara kawasan ini ialah Belaga di Kapit, Sarawak dengan paras air mencecah 51.03 meter; Johor iaitu di Buloh Kasap (9.51 meter), Bukit Kepong (3.47 meter), Ladang Chaah (6.09 meter); Pahang di Kuantan Bypass (20.76 meter), Bukit Kenau (20.76 meter), Lubuk Pasu (32.94 meter), Pekan (3.17 meter), Sungai Yap (50.82 meter); Kelantan di Sungai

Golok (9.99 meter) dan Melaka di Sungai Duyong (1.41 meter).

Semalam, Jabatan Meteorologi Malaysia turut mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga berikutan hujan sekejap-sekejap dan sederhana di Pahang membabitkan daerah Kuantan, Pekan, Rompin, Temerloh, Bera dan Maran yang dijangka berterusan sehingga hari ini.

Sehingga semalam, Jabatan Meteorologi Malaysia melaporkan keadaan ribut petir dan hujan lebat di Perak yang membabitkan daerah Kampar dan Batang Padang; Selangor (Hulu Langat, Gombak dan Hulu Langat); Negeri Sembilan (Jelebu dan Jempol) Pahang (Cameron Highlands, Lipis, Jerantut, Raub dan Bentong).

Keadaan ini berkemungkinan menyebabkan angin kencang dan banjir kilat.

Sementara itu, hujan lebat di Belaga, Kapit, Sarawak menyebabkan air sungai melebihi paras bahaya. Sehingga 3 petang semalam,

paras air Sungai Belaga mencecah 51.03 meter dan di khawatiri menyebabkan kawasan sekitar dijangka dinaiki air.

Sehubungan itu, penduduk di kawasan terbabit diminta berjaga-jaga atau menghubungi bilik gerakan banjir berdekatan mengikut negeri untuk maklumat lanjut.

After the 'surge', now the 'trough'

PAHANG ALERT: More flooding expected in low-lying areas

KUALA LUMPUR

THE Malaysian Meteorological Department (MMD) issued an orange-level alert of continuous heavy rain in several areas of Pahang.

Many areas of the state, namely Kuantan, Pekan, Rompin, Temerloh, Bera, and Maran experienced intermittent rain yesterday and gloomy weather is expected to continue until today.

The situation is expected to cause floods in low-lying areas.

MMD central forecast division director, Muhammad Helmi Abdullah said the heavy rain was due to a weather phenomenon known as "active monsoonal trough", which was different from the normal "monsoon surge" which caused the first wave of floods in the east coast.

"The monsoon trough is an area of convection (build-up of rain clouds) which lies close to the Equator during this time of year, and it spreads across Sabah and Sarawak, and the peninsula."

Helmi said unlike the monsoon surge which can be predicted a week ahead, it is difficult to predict this type of tropical weather system.

"The indications are not clear. Besides, we can only predict the weather when the radar indicates the formation of the clouds." He said the colour warning was usually reserved for monsoonal rain, but due to the rain intensity and its area of coverage, the orange warning was issued.

The warning indicates floods occurring and to warn those in the affected areas to prepare to evacuate if the situation worsened.

Meanwhile, heavy rain and thunderstorm warnings were issued for Perak (Kerian, Larut, Matang, Selama, Kuala Kangsar, Kinta, Manjung and central Perak),

Selangor (Kuala Langat and Sepang), Negri Sembilan (Seremban and Port Dickson), Johor (Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi, Johor Bahru, Kulajaya and Pontian), Pahang (Cameron Highlands, Lipis and Jerantut) and Terengganu (Dungun and Kemaman).

The heavy rain is expected to continue until tonight and the same weather condition is expected to occur in Pahang (Raub and Bentong).

These conditions are expected to cause strong winds and flash floods.

In Pahang, heavy rain pounded several districts yesterday, increasing the flood victims to 39,580 in the evening compared with 38,099 in the morning.

Raub became the latest district to be hit after eight people were moved to shelters while the number of flood victims in Temerloh was expected to increase by midnight after heavy rains yesterday evening.

Kuantan recorded the highest number of flood evacuees at 34,222 followed by Pekan (2,887), Temerloh (847), Maran (784), Jerantut (520), Rompin (153), Bera (106) and Lipis (53).

Four stretches - Km28 Jalan Sungai Lembing-Kuantan, Km72 Jalan Kuantan-Segamat, Km14 Jalan Temerloh-Bahau and Km 51 Jalan Kuantan Kemaman - are still closed to all vehicles after being submerged by more than 1m of water.

In Terengganu, the situation was grim despite a decrease in the number of displaced victims yesterday.

As of 5pm, authorities expected the flood, which had receded slightly and saw eight of 76 relief centres statewide closed, to worsen as downpour since 11am did not show any signs of stopping.

Information received from the state's Disaster Operations Centre stated that there was over 85mm



Children helping to clean up and sort through household items after floodwaters receded in Kampung Felda, Seberang Tayor, Kemaman, Terengganu, yesterday.

PM: RM500 for each family affected by floods

KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Najib Razak announced a cash aid of RM500 to each family affected by floods.

"As a member of parliament whose constituency often floods, I know the difficulties and hardship faced by flood victims."

"The government is sensitive to the needs of the people and I understand this, too," Najib, who is also Umno president and Pekan MP, said in his winding-up speech at the party's general assembly at the Putra World Trade Centre yesterday.

"I sympathise with those who are affected by floods in the east

coast, including my constituents in Pekan, Kuantan, Rompin and Kemaman."

Najib, who is also finance minister, expressed his gratitude to Malayan Banking for allowing flood victims to delay scheduled payments to the bank.

"I appeal to all banks to follow this noble approach and delay payment of instalments as a kind gesture to the plight of the flood victims."

He said Malayan Banking was the first commercial bank to allow borrowers affected by the flood to temporarily defer their loan repayments.

rainfall distribution at Sungai Kemaman due to the downpour yesterday, causing its water level to rise rapidly.

The flood caused phone communications in the district to be almost severed.

An officer at the district's Dis-

aster Operations Centre said food and petrol supplies for purchase were scarce, with motorists having to go as far as Kijal and Kerteh, more than 15km away to refuel.

Kemaman district officer Mohd Kamil Othman said they were preparing for the worst.

He said several roads connecting Kemaman to Dadong, Air Putih and Teladas, were cut off due to flooding.

Meanwhile, the overall number of evacuees in the state, as of 4.30pm, decreased to 22,236 compared with 22,678 in the morning.

Kemaman made up the highest number with 18,576 victims in 43 centres.

In Johor, 1,639 flood victims were placed at 23 relief centres as more people left the centres for their home. The weather in most parts of the state was reported to be sunny yesterday.

In Kelantan, the situation in flood hit areas improved with only Pasir Mas affected. Six centres in Pasir Putih, Machang and Tanah Merah were closed in the morning after the evacuees returned home.

Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob yesterday said flood victims in the state will be given cash aid from the Tabung Serambi Mekah soon. Ahmad said each state constituency affected would receive between RM10,000 and RM15,000.

Page 1 pic: Residents of Kampung Seberang Tayor, Kemaman, walking along a road destroyed by floodwaters yesterday.